



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN MEDIA

KELULUSAN PENGANJURAN ACARA SUKAN DIPERCEPATKAN BAGI MERANCAKKAN AKTIVITI SUKAN NEGARA

Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576] adalah suatu Akta bertujuan menggalakkan dan memudahkan pembangunan dan pentadbiran sukan di Malaysia. Matlamat pengubalan Akta 576 adalah untuk memperkemaskan struktur pengurusan sukan tanah air melalui mekanisme yang membolehkan semua persatuan sukan melaksanakan tujuan penubuhan masing-masing dengan lebih berkesan, iaitu melaksana, membangun dan mempromosi aktiviti-aktiviti sukan yang diwakili.

Susulan sesi dialog awam Menteri Belia Dan Sukan bersama ketua-ketua eksekutif dan pemain industri sukan Malaysia pada 31 Januari 2023 dan selaras dengan konsep Madani untuk menumpukan perhatian kepada penyelesaian masalah, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS)) telah mengambil maklum dan memastikan perkara yang telah dibangkitkan oleh persatuan-persatuan sukan dan pihak industri dapat ditangani sebaiknya, tertakluk kepada perundangan sedia ada, meneliti serta mengambil inisiatif untuk mempermudah proses melibatkan penganjukan acara sukan.

Dalam usaha merangsangkan dan menggalakkan aktiviti sukan di peringkat

akar umbi seterusnya mencapai misi membudayakan sukan dikalangan rakyat, KBS telah memutuskan:-

- (i) semua pertandingan acara sukan tempatan yang dianjurkan oleh badan sukan sama ada persatuan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah, serta kelab yang berdaftar dibawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576] **tidak perlu mendapatkan kelulusan daripada Pesuruhjaya Sukan**, walau bagaimanapun badan sukan hendaklah memastikan bahawa semua pertandingan dan acara sukan yang dibenarkan, dijalankan atau disertai adalah mengikut kaedah dan garis panduan yang diiktiraf termasuk serta langkah kesihatan dan keselamatan bagi peserta, pegawai dan penonton di pertandingan atau acara itu, termasuklah mendapatkan perlindungan insuran;
- (ii) semua pertandingan acara sukan tempatan yang dianjurkan oleh pertubuhan dan badan bukan kerajaan (NGO) termasuk agensi-agensi kerajaan juga **tidak perlu mendapatkan kelulusan daripada Pesuruhjaya Sukan**, walau bagaimanapun, penganjur bertanggungjawab mendapatkan sanksi/kebenaran daripada badan sukan berkenaan dan mendapatkan perlindungan insuran bagi menjamin keselamatan peserta;
- (iii) Kementerian Kerajaan atau badan kerajaan yang lain di peringkat Persekutuan, Negeri atau tempatan berhasrat untuk menjalankan aktiviti sukan **supaya berunding dan**

berhubungan dengan KBS melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara bagi tujuan penyelarasan;

- (iv) semua penganjur disarankan mematuhi pelaksanaan Kod Sukan Selamat

Pihak Kementerian, berdasarkan peruntukan Seksyen 37 Akta 576 **telah meminda dan mengemaskini senarai aktiviti yang dikira sebagai sukan di bawah Jadual Pertama** melalui Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama) 2023 [P.U. (A) 60/2023] bertarikh 9 Mac 2023 dan berkuat kuasa mulai 10 Mac 2023. Pindaan ini menyenaraikan 103 sukan berbanding 51 jenis sukan sebelum ini. Senarai ini kali terakhir dikemaskini adalah pada tahun 2004. Senarai sukan di bawah Jadual ini merangkumi jenis-jenis sukan semasa, sukan-sukan baharu dan sukan-sukan semasa yang dinamakan semula berdasarkan saranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM).

Pihak KBS juga telah **meminda Jadual Kedua dan Jadual Ketiga iaitu mengenai perkara-perkara yang perlu diperuntukkan atau perlu dinyatakan dalam perlembagaan atau kaedah-kaedah badan sukan**, dengan menambah elemen persekitaran sukan yang selamat, dan berintegriti termasuklah pematuhan kaedah antidoping yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Pindaan Jadual Kedua dan Jadual Ketiga ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia sebagai signotori kepada Kod Antidoping Dunia, dan Kod Sukan Selamat yang telah dilancarkan pada 15 Mac 2023 bagi memberi panduan mengenai persekitaran sukan yang selamat serta

peranan dan tanggungjawab semua pihak dalam menangani gangguan dan penderaan dalam sukan. Pindaan ini secara tidak langsung memberi dimensi baru mengenai peranan persatuan sukan, bukan sahaja fokus kepada aktiviti sukan tetapi persatuan sukan juga perlu memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah selamat untuk semua pihak sama ada jurulatih, atlet, pentadbir sukan atau penganjur.

KBS amat komited dalam membantu membangunkan industri sukan dan menyokong usaha pihak industri sukan atau syarikat atau pengurus acara dalam merencanakan ekonomi negara berasaskan sukan, untuk itu KBS telah memutuskan:-

- (i) dokumen permohonan dikurangkan daripada sembilan (9) dokumen kepada **tiga (3) dokumen** iaitu **sijil pendaftaran, perlindungan insuran dan sanksi/kebenaran badan sukan pengelola;**
- (ii) fi lesen dikecualikan sehingga 31 Disember 2025;
- (iii) tempoh permohonan lesen dipendekkan;
 - acara sukan tempatan daripada 30 hari kepada 14 hari bekerja; dan
 - acara sukan antrabangsa daripada 90 hari kepada 30 hari bekerja.
- (iv) permohonan lesen bagi acara sukan di Sabah dan Sarawak akan diproses oleh pejabat persuruhjaya sukan rantau berkenaan.

Bagi penyelesaian jangka panjang, KBS akan membuat semakan semula ke atas Akta 576. dan pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Pelesenan) 2019 bagi memberi penekanan aspek keselamatan dalam penganjuran acara sukan. Adalah diharap komitmen KBS berupaya lebih banyak aktiviti sukan dapat diadakan dipelbagai peringkat dan disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat serta merancakkan industri sukan negara.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

23 MAC 2023